

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

PETRONAS dijangka terus raih pendapatan kukuh

PETRONAS dijangka terus raih pendapatan kukuh

Kemasukan pelancong terus menyokong permintaan bahan api pengangkutan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pendapatan PETRONAS dijangka kekal kukuh disokong oleh permintaan tinggi terhadap bahan api pengangkutan, demikian kata CreditSights.

Firma penyelidik kewangan berkata, kemasukan pelancong sejak pembukaan semula sempadan pada Mac 2022 akan terus menyokong permintaan bahan api pengangkutan.

CreditSights juga mengekalkan saranan 'prestasi pasaran' terhadap syarikat minyak dan gas nasional itu dan menyatakan ia amat selesa dengan kredit, yang mana PETRONAS mempunyai lebaranimbangan kukuh dan penjana aliran tunai operasi yang teguh.

Justeru, ia menjangkakan pendapatan PETRONAS kekal membe-rangsangkan pada suku pertama



2023, ditambah pula dengan fakta bahawa bonnya didagangkan secara adil berdasarkan nilai relatif.

"Syarikat itu menyaksikan peningkatan pendapatan sebanyak 49 peratus tahun ke tahun kepada RM333 bilion pada tahun kewangan 2022, terutama didorong oleh harga produk yang lebih tinggi di semua bahagian, mengimbangi sedikit penurunan dalam jumlah jualan," katanya dalam nota penyelidikan.

Sokongan kerajaan

CreditSights berkata, PETRONAS mengekalkan profil kredit yang teguh, aliran pendapatan geografi yang pelbagai dan soko-

ngan kerajaan.

Ia berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu diamanahkan keseluruhan sumber minyak dan gas di Malaysia dan menyediakan sumber pendapatan yang besar kepada kerajaan, justeru berkongsi hubungan yang sangat kuat dengannya.

Katanya, walaupun PETRONAS mengekalkan rizab tunai dan kedudukan tunai bersih yang besar, lazimnya ia perlu membayar dividen kepada kerajaan, yang mungkin menekan aliran tunainya.

CreditSights berkata, dengan kebimbangan pertumbuhan global/kemelesetan yang semakin

perlahan, realisasi PETRONAS daripada pengeluaran minyak dan gas hulu mungkin tidak seteguh seperti 2022 pada tahun ini.

Ia berkata, harga minyak mentah Brent menyederhana pada suku pertama 2023 (harga semasa: AS\$74.6 setong) kepada kadar purata AS\$83.5 satu tong, merosot tiga peratus berbanding purata AS\$86 satu tong pada suku keempat 2022.

"Secara umum, harga minyak mentah masih kekal tinggi dan akan membantu terus menjaga aliran tunai operasi yang kukuh untuk firma itu, yang seterusnya akan mencukupi bagi membiayai keperluan perbelanjaan modalnya," katanya.